

**PENGHASILAN DAN PENILAIAN VIDEO DOKUMENTARI PENDIDIKAN
DALAM BENTUK CD-ROM BAGI SUBJEK P1701 – PEMASARAN 1 BERTAJUK
Pengenalan Kepada Pemasaran
– SATU KAJIAN DI POLITEKNIK PORD DICKSON.**

MOHD HAFIZI BIN ABDUL LATIF

**Laporan Projek Sarjana ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
ijazah Sarjana Pendidikan (Teknik & Vokasional)**

**Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

SEPTEMBER 2003

*Teristimewa buat **Ayah dan Mama** tersayang...*

*Juga buat **Adik-adik** yang ku kasihi...*

*Dan teristimewa buat **Liya, Tunangku yang** tercinta.....*

Terima kasih atas bimbingan kalian



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-NYA maka dapatlah saya menyempurnakan projek ini pada masa yang telah ditetapkan.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada En. Mahmad Amir Bin Radzali, selaku penyelia projek kerana telah banyak memberikan panduan dan bimbingan dalam menyiapkan projek ini.

Ucapan terima kasih juga kepada Pn. Amimah Binti Talib, pensyarah Pemasaran di Politeknik Port Dickson yang telah banyak membantu di dalam menyempurnakan projek ini. Juga kepada semua responden yang telah memberikan kerjasama dan bantuan dalam mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan untuk penghasilan projek ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan projek ini. Jasa kalian semua amat saya hargai.

Harapan saya, semoga projek yang dilakukan ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak. Insyallah.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk menilai sejauh manakah penghasilan video dokumentari pendidikan dalam bentuk CD-ROM bagi subjek P1701 Pemasaran 1 untuk tajuk Pengenalan Kepada Pemasaran yang dibina bersesuaian dengan isi kandungan mata pelajaran mereka di Politeknik, mempunyai ciri-ciri video dokumentari pendidikan yang diperlukan dan ia mudah digunakan dalam proses pembelajaran mereka di Politeknik. Kajian ini melibatkan seramai 30 orang pelajar semester satu Diploma Pemasaran di Politeknik Port Dickson (PPD). Tiga instrumen kajian telah digunakan di dalam kajian ini iaitu Video Dokumentari Pendidikan P1701 Pemasaran 1 dan borang soal selidik serta ujian. Data-data yang dikumpul telah dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 11.0 yang melibatkan nilai skor Min. Hasil kajian menunjukkan produk video dokumentari pendidikan dalam bentuk CD-ROM yang dibangunkan telah mendapat keputusan yang memuaskan iaitu dengan nilai purata skor untuk keseluruhan Item ciri-ciri video dokumentari pendidikan ialah 4.32. Penghasilan video dokumentari pendidikan dalam bentuk CD-ROM yang dihasilkan ini boleh dipertingkatkan mutu dan kualitinya berdasarkan komen dan cadangan melalui jawapan di soalan terbuka. Pengkaji berharap agar ada usaha penambahan dan pembaikan yang dilakukan oleh pengkaji akan datang bertujuan untuk meningkatkan lagi kualiti video dokumentari pendidikan dalam bentuk CD-ROM yang dihasilkan.

ABSTRACT

The purpose of this study is to evaluate how far does the production of video documentary learning in CD-ROM packages suitability of the content, involves the criteria of video documentation and easy to use for P1701 Marketing 1 subject, related to the Introduction for Marketing topic for the semester 1 Marketing students of Diploma In Marketing in Port Dickson Polytechnic. The respondent of this research were 30 first semester of Marketing students from Port Dickson Polytechnic (PPD). There are three research instrument used in this study such as Video Education Documentary on P1701 Marketing 1, questionnaires and test. All the collected data were analyzed using *Statistical Package For Social Sciences (SPSS)* version 11.0 for the value score of mean scores in the whole documentary video item characteristic is 4.32. The result of this study shows that the product of video education documentary in CD-ROM packages can be improved especially on the quality aspect depends from commends and suggestions in the answers of open questions. The researcher hopes and suggest there will be another effort to continue the development of this module in the future research in order to improve the quality of this video education documentary learning in CD-ROM packages

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN KAJIAN KES	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	HALAMAN KANDUNGAN	vii
	HALAMAN SENARAI JADUAL	xii
	HALAMAN SENARAI RAJAH	xiii
	HALAMAN SENARAI LAMPIRAN	xiv
BABI	PENGENALAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Persoalan Kajian	5
1.5	Objektif Kajian	6

1.6	Kerangka Teori	7
1.7	Skop Kajian	8
1.8	Kepentingan Kajian	8
1.9	Hipotesis Kajian	9
1.10	Definisi Istilah	9
	1.10.1 Video Pembelajaran	9
	1.10.2 Penghasilan	9
	1.10.3 Teknologi Pendidikan	10
	1.10.4 Alat Bahan Bantu Mengajar	10
	1.10.5 Proses pengajaran dan pembelajaran	10
1.11	Penutup	10
BAB II	SOROTAN KAJIAN	11
2.1	Pendahuluan	11
2.2	Penggunaan Teknologi dalam pendidikan	11
2.3	Kepentingan Media Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	14
2.4	Pengaplikasian Aspek Pedagogi Dalam Penggunaan Bahan Media	15
2.5	Penggunaan Video Sebagai Alat Pembelajaran	18
2.6	Penggunaan elemen audio dalam video	21
2.7	Penggunaan elemen visual dalam video	23
2.8	Kesimpulan	25
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	27
3.1	Pendahuluan	27
3.2	Reka Bentuk Kajian	27

3.3	Lokasi Kajian	28
3.4	Prosedur Kajian	38
3.5	Populasi Kajian	31
3.6	Sampel Kajian	32
3.7	Sumber Data	33
3.8	Instrumen Kajian	34
	3.8.1 Cakera Padat Video (VCD)	34
	3.8.2 Borang Soal Selidik	34
	3.8.3 Set Soalan Ujian	36
3.9	Kajian Rintis	36
3.10	Pengumpulan Data	37
3.11	Kaedah Analisis Data	38
3.12	Kerangka Kerja	42
3.13	Andaian	43
3.14	Batasan Kajian	43
3.15	Penutup	44
BAB IV	REKA BENTUK PROTOTAIP PRODUK	45
4.1	Pendahuluan	45
4.2	Penghasilan VCD Dokumentari	45
4.3	Matlamat Penghasilan VCD Dokumentari	46
4.4	Objektif Penghasilan VCD Dokumentari	47
4.5	Kronologi Penghasilan Produk	49
4.6	Langkah-langkah Dalam Proses Penerbitan VCD Dokumentari	51
4.7	Elemen Dalam Penghasilan Video Dokumentari	53
4.8	Kandungan VCD Dokumentari	55
4.9	Jadual Kerja Penghasilan Produk	57
4.10	Sasaran Penggunaan VCD Dokumentari	57

4.11	Kegunaan VCD Dokumentari	58
4.12	Batasan VCD Dokumentari	58
4.13	Kelebihan VCD Dokumentari	59
4.14	Permasalahan dalam Pembikinan VCD Dokumentari	59
4.15	Bahan dan Kos Menghasilkan VCD Dokumentari	60
4.16	Penutup	60
BAB V	DAPATAN KAJIAN	61
5.1	Pengenalan	61
5.2	Hasil Kajian Rintis	61
5.3	Kriteria Persampelan	62
5.4	Ciri-Ciri Video Dokumentari Pendidikan (CD ROM) Yang Bersesuaian.	64
5.5	Kesimpulan	67
BAB VI	KESIMPULAN DAN CADANGAN	68
6.1	Pengenalan	68
6.2	Rumusan Hasil Kajian dan Perbincangan	68
6.3	Kesimpulan Bagi Rumusan	71
6.4	Cadangan Hasil Kajian	72
	6.4.1 Memperluaskan Penggunaan Video Dokumentari Pendidikan Dalam Bentuk CD-ROM	72
	6.4.2 Galakkan Penggunaan Video Dokumentari Pendidikan	73
	6.4.3 Menambahkan Alat Bahan Bantu Mengajar	73
	6.4.4 Penambahbaikan Untuk Kajian Masa Hadapan	74
6.5	Penutup	74

RUJUKAN

75

LAMPIRAN

78



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori	7
2.1	Elemen-elemen audio	22
2.2	Elemen-elemen visual	24
3.1	Kerangka operasi untuk prosedur kajian	29
3.2	Langkah kerja untuk melakukan kajian.	42
4.1	Kerangka Penghasilan Produk	48
4.2	Kronologi Penghasilan Produk	49
4.3	Langkah-langkah dalam proses penerbitan video dokumentari	52
4.4	Elemen-elemen dalam penghasilan VCD Dokumentari.	54

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	BORANG SOAL SELIDIK	78
B	SOALAN UJIAN AWAL DAN UJIAN AKHIR	83
C	SKRIP DOKUMENTARI VIDEO PENDIDIKAN P1701-PENGENALAN KEPADA PEMASARAN	87
D	HASIL KAJIAN RINTIS	99
E	HASIL KAJIAN SEBENAR	111
F	T-TEST (UJIAN AWAL DAN UJIAN AKHIR	118
G	BORANG PENGESAHAN PENSYARAH PEMASARAN POLITEKNIK PORD DICKSON	120

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan adalah suatu usaha di dalam pembentukan insan yang sempurna. Oleh itu, sistem pendidikan yang sedia ada memainkan peranan yang penting di dalam mewujudkan generasi muda yang seimbang. Seimbang yang dimaksudkan adalah generasi yang mempunyai kemahiran, pengetahuan dan sikap yang positif di dalam mengharungi cabaran teknologi maklumat.

Menurut Baharuddin, *et al.* (2000), teknologi pendidikan merupakan suatu proses yang sistematik ke arah pembangunan produk yang membantu menghasilkan suatu persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang efisien dan efektif. Di dalam penghasilan mutu di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P), ia melibatkan peringkat merencanakan, pelaksanaan dan pemilihan di mana ia merangkumi pelbagai peralatan dan sumber. Menurut Baharuddin *et al.* (2000) teknologi pendidikan sepatutnya dilihat sebagai satu proses pengajaran dan pembelajaran yang menyeluruh seperti yang disarankan oleh Kobayashi.

Dewasa ini, ramai yang menganggapkan teknologi pendidikan hanya tertumpu kepada produk seperti slaid, tranparensi, pita video dan perisian komputer.

Segelintir masyarakat ada juga mengaitkan teknologi pendidikan dengan alat-alat elektronik seperti projektor lutsinar dan komputer. Berdasarkan daripada definisi-definisi yang diberikan maka teknologi pendidikan bukan hanya memfokuskan kepada alat bahan bantu mengajar yang digunakan semasa pengajaran. Ia lebih menjurus kepada penghasilan alat bahan bantu mengajar itu sendiri disamping berusaha untuk memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran.

Umumnya, alat bahan bantu mengajar terbahagi kepada dua iaitu media elektronik dan media bukan elektronik. Media elektronik terdiri dari radio, televisyen, alat perakam kaset, projektor, video, projektor slaid, filem, projektor lutsinar dan piring hitam. Bagi media bukan elektronik pula, ia terdiri dari buku, modul, majalah, journal, carta, kad imbasan, papan gulung dan model. Maka memang terdapat banyak alat bahan bantu mengajar boleh digunakan oleh para pendidik di dalam penyampaian ilmu dan maklumat kepada pelajar.

Proses P&P yang semakin hari semakin mencabar dan kompleks maka ia sukar untuk ditentukan kaedah dan pendekatan pengajaran manakah yang terbaik di dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menarik dan berkesan. Penggunaan teknologi berbentuk video di dalam proses pembelajaran merupakan salah satu cara untuk menarik minat pelajar dan sebagai alat bantuan mengajar. Tayangan video bagi sesuatu matapelajaran menggunakan pita video atau dikenali sebagai *Video House System* (VHS) pada sebelum ini sebagai alat bantuan mengajar tidak sesuai lagi pada masa ini. Ini bermakna penyimpanan data berbentuk dokumentasi di dalam pita VHS adalah mudah rosak. Arus perubahan pada hari ini dengan kecanggihan teknologi multimedia yang ada, maka penggunaan *Compact Disk* (CD) ataupun cakera padat sebagai alat penyimpanan data berbentuk video telahpun meluas. Dengan penyimpanan data video ini di dalam bentuk CD maka kini ia dikenali sebagai *Video Compact Disk* ataupun ringkasnya sebagai VCD.

Video adalah suatu alat bahan bantu yang dapat menarik minat para pelajar di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Malah, keberkesanan video di dalam penyampaian maklumat dan gambaran tentang sesuatu pelajaran adalah lebih berkesan kerana ia mengandungi gambar yang bergerak dan mempunyai audio. Pelajar dapat melihat sambil mendengar mesej yang ingin disampaikan dan ia

membantu pelajar supaya lebih memahami apa yang telah dipelajari. Kebolehan ulang tayang semula dengan cepat di samping penggunaan dwibahasa menjadikan VCD mempunyai kelebihan berbanding dengan alat bahan bantu mengajar yang lain dan ia juga boleh digunakan untuk tujuan latihan. Video juga boleh dijadikan sebagai alat pemangkin di dalam penyaluran ilmu pengetahuan kerana ia mudah difahami, menarik dan merangsangkan minda.

1.2 Latar Belakang Masalah

Mata pelajaran Pemasaran 1 merupakan mata pelajaran wajib bagi pelajar Diploma Pemasaran semester satu Jabatan Perdagangan di Politeknik-politeknik Malaysia. Ia diajar adalah bertujuan memperkenalkan pelajar-pelajar diploma berkenaan dari Jabatan Perdagangan semester satu kepada dunia pemasaran di masa kini. Pelajaran ini penting kerana ia adalah mata pelajaran asas bagi pemasaran dan strategi perniagaan yang terdiri dari konsep 4 P's iaitu keluaran (*product*) atau perkhidmatan, harga (*price*), promosi (*promotion*) dan tempat (*place*) atau saluran agihan.

Masalah dan kekangan sering berlaku di dalam bilik darjah menyebabkan pelajar tidak dapat menerima sepenuhnya maklumat yang disampaikan oleh pengajar. Para pelajar kadang-kadang tidak dapat memahami konsep-konsep atau gambaran yang dijelaskan oleh pengajar di dalam kuliah biasa. Proses P&P di dalam kelas hanyalah melalui proses pendengaran sahaja dan kadang kala terselit gambaran secara statik mengenai sesuatu objek.

Para Pelajar di khawatiri akan mendapat tanggapan dan persepsi yang salah mengenai sesuatu perkara itu. Para pensyarah perlulah sedar tentang keupayaan penerimaan sesuatu pelajaran bagi setiap pelajar adalah berbeza, ada yang cepat faham dan ada pula yang lemah. Menurut Zaidatul dan Habibah (2000), terdapat tiga faktor yang perlu dipertimbangkan berkaitan dengan perbezaan individu iaitu :

1. Individu berbeza dari segi fizikal, minat, kebolehan, kecenderungan, pengalaman, latar belakang, keluarga, sikap dan matlamat.
2. Individu belajar mengikut cara sendiri dan kadar kepantasan sendiri. Mereka berbeza dari segi kaedah yang digunakan untuk mendapatkan pengetahuan dan juga darjah kecekapan yang dicapai.
3. Pembelajaran setiap individu dipengaruhi oleh minat, pengalaman lalu dan matlamat masa depan.

Masalah yang dihadapi adalah kurangnya komited sesebuah institusi pendidikan dan bukan pendidikan di dalam membekalkan sumber-sumber media dan perkhidmatan media yang diperlukan oleh fakulti bagi meningkatkan proses P&P. Setiap institusi pengajian tinggi sepatutnya mempunyai program media pendidikan yang dapat memberi khidmat media dan kepakaran dalam pembinaan bahan pengajaran.

Kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji sama ada VCD dokumentari yang dihasilkan dapat menarik minat pelajar dan membantu meningkatkan kefahaman mereka. Aspek-aspek yang dititikberatkan adalah sama ada VCD tersebut mengandungi isi kandung, elemen-elemen multimedia yang sesuai dan menarik minat serta dapat menambahkan kefahaman pelajar.

1.3 Pernyataan Masalah

Sistem pendidikan konvensional yang masih menggunakan bahan-bahan bercetak seperti buku-buku, nota kuliah dan monograf telah menimbulkan beberapa masalah yang melibatkan pelajar dan tenaga pengajar seperti pernyataan di bawah.

Para pelajar sukar mengemaskini nota yang diberi oleh pensyarah. Para pelajar dikhuatiri tidak dapat menyusun nota mengikut bab ke bab kerana terdapat pelbagai *sub topic*.

Sistem pengurusan nota kuliah yang kurang teratur di mana dan nota subjek ini mempunyai banyak contoh dan nota kuliah di dalam bahasa Inggeris dan ini sudah tentu akan menyebabkan nota bagi subjek ini kurang teratur.

Ruang storan atau penyimpanan nota yang terhad. Memandangkan nota bagi subjek ini perlu merujuk kepada pelbagai jenis buku yang berlainan pengarangnya maka ruangan untuk penyimpanan adalah besar dan ini akan membebankan pelajar dari segi kos dan tempat.

Bebanan membawa nota yang banyak ke kuliah. Pelajar terpaksa merujuk banyak buku untuk kehendak silibus subjek ini dan sudah tentu akan membebankan pelajar.

Tiada alat bahan bantuan mengajar berbentuk CD-ROM khususnya dalam bentuk video dokumentari di dalam subjek Pemasaran 1. Ini akan menarik minat pelajar untuk memberikan tumpuan yang lebih dan kefahaman yang lebih mendalam terhadap subjek ini. Justeru itu, penguasaan pelajar bagi subjek ini akan bertambah baik dan seterusnya mendapat keputusan peperiksaan yang membanggakan.

1.4 Persoalan Kajian

Pengkaji telah mengenal pasti beberapa persoalan kajian yang harus terjawab apabila kajian ini dilaksanakan. Persoalannya ialah :

1. Sejauh manakah penghasilan CD-ROM dokumentari pendidikan Pengenalan Kepada Pemasaran, **bersesuaian dengan isi kandungan** dalam proses pembelajaran mereka di Politeknik?


2. Adakah CD-ROM dokumentari Pengenalan Kepada Pemasaran, **memenuhi elemen-elemen multimedia** untuk pengguna dalam proses pembelajaran mereka di Politeknik?
3. Adakah CD-ROM dokumentari pendidikan Pengenalan Kepada Pemasaran yang digunakan dapat **meningkatkan kefahaman** proses pembelajaran ?

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji telah menetapkan beberapa objektif umum kajian sebagai panduan di dalam mendapatkan hasil kajian yang dikehendaki. Objektif tersebut ialah :

1. Menghasilkan CD-ROM dokumentari pendidikan Pengenalan Kepada Pemasaran yang digunakan **bersesuaian dengan isi kandungan** bagi tujuan pembelajaran pelajar.
2. Mengenal pasti sama ada CD-ROM dokumentari Pengenalan Kepada Pemasaran, memenuhi **elemen-elemen multimedia** dalam proses pembelajaran mereka di Politeknik.
3. Membuat penilaian sama ada CD-ROM dokumentari pendidikan Pengenalan Kepada Pemasaran dapat membantu **meningkatkan kefahaman** proses pembelajaran pelajar.

1.6 Kerangka Teori



Rajah 1.1 : Kerangka Teori

Berdasarkan daripada kajian yang dijalankan terdapat dua masalah utama telahpun dikenalpasti. Pertama ialah ketiadaan video pembelajaran untuk topik Pengenalan Kepada Pemasaran. Masalah yang kedua adalah pelajar kurang berminat dengan video yang bercorak pendidikan berbanding dengan video yang bercorak hiburan. Berdasarkan masalah tadi, pengkaji mengambil inisiatif untuk menghasilkan sebuah tayangan video yang dapat menarik minat dan membantu di dalam meningkatkan kefahaman pelajar. Oleh itu, dengan terhasilnya VCD Pengenalan Kepada Pemasaran ini maka semoga ia dapat memberikan sumbangan terhadap mempelbagaikan lagi alat bahan bantu P&P bagi pensyarah. Terdapat dua aspek yang penting di dalam pembikinan sesebuah rakaman video iaitu dari aspek visual dan audio perlulah diberi perhatian oleh pengkaji. Elemen visual termasuklah

gambar, animasi, teks dan klip video dan elemen audio ialah suara latar, muzik latar dan kesan khas. Kerangka yang diingini oleh pengkaji adalah supaya video yang dihasilkan ini dapat menarik minat dan boleh difahami oleh pelajar Politeknik yang mengikuti mata pelajaran Pemasaran 1 (P1701).

1.7 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di kalangan para pelajar semester 1 Diploma Pemasaran di Politeknik Pord Dickson, Negeri Sembilan yang mengikuti subjek Pemasaran 1 (P1701).

1.8 Kepentingan Kajian

Penghasilan sesuatu bahan yang dapat membantu mempelbagaikan dan memperbaiki bahan-bahan P&P yang sedia ada harus dilakukan supaya bahan P&P yang dipersembahkan oleh pelajar menjadi menarik dan tidak membosankan. Menurut Sandholtz (1997), beliau mendapati penggunaan teknologi di sekolah boleh mendorong bagi memudahkan pengajaran dan pembelajaran. Idea penghasilan VCD ini adalah atas kesedaran untuk menghasilkan satu bahan yang dapat memberi makna dan berguna kepada pelajar. Pengkaji perlulah peka terhadap isi kandungan video, kualiti paparan, kesesuaian isi, kejelasan gambar dan ilustrasi serta audio supaya ia dapat menarik minat pelajar. Perkara yang terpenting adalah kajian ini dilakukan adalah untuk memastikan video yang dihasilkan ini benar-benar sesuai dan ia boleh digunakan setelah mengambilkira maklumbalas yang diberikan oleh responden. Hasil dari maklumbalas yang diterima maka dapatlah pengkaji menilai dari aspek kekuatan dan kelemahan VCD yang dihasilkan di dalam kesesuaiannya di dalam penyampaian maklumat pelajaran ini. VCD Pengenalan Kepada Pemasaran diharapkan dapat digunakan oleh golongan pendidik Politeknik di dalam P&P.

1.9 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini adalah :

Hipotesis null (H_0) : Tidak terdapat perbezaan markah ujian awal (*pre-test*) dan ujian akhir (*post test*) penggunaan VCD yang diberikan kepada pelajar yang mengambil subjek Pemasaran 1.

Hipotesis alternatif (H_1) : Terdapat perbezaan markah ujian awal (*pre-test*) dan ujian akhir (*post-test*) penggunaan VCD yang diberikan kepada pelajar yang mengambil subjek Pemasaran 1.

1.10 Definisi Istilah

1.10.1 Video Pembelajaran

Video adalah proses komunikasi elektronik yang menghasilkan pergerakan imej, ucapan, kesan bunyi dan muzik (Baharuddin *et al*, 2000). Video ialah gabungan bunyi dan visual yang direkodkan ke dalam pita video dan dimainkan melalui kaca TV (Tomalin, 1986).

1.10.2 Penghasilan

Penghasilan adalah perihal usaha menghasilkan atau mengeluarkan sesuatu (Noresah Baharom, 1993).

1.10.3 Teknologi Pendidikan

Menurut Seels & Richey, teknologi adalah amalan reka bentuk, pengembangan, penggunaan, pengurusan dan penilaian proses dan sumber untuk pembelajaran (Yusup, 1998). Teknologi pendidikan meliputi perkakasan, perisian dan kaedah yang digunakan dalam sistem pendidikan (Yusup dan Sharifah, 1999).

1.10.4 Alat Bahan Bantu Mengajar

Alat bahan bantu mengajar adalah segala kelengkapan yang digunakan oleh guru untuk membantu menyampaikan pengajaran di bilik darjah.

1.10.5 Proses pengajaran dan pembelajaran

Aktiviti pemindahan maklumat, ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada pengguna.

1.11 Penutup

Secara menyeluruh, bab ini menerangkan tentang pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan takrifan istilah.

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Perkembangan yang pesat di dalam bidang teknologi perlulah dimanfaatkan sepenuhnya oleh sektor pendidikan. Ini perlu diusahakan bagi memastikan matlamat tercapai iaitu ingin menjadikan taraf pendidikan negara berada ke tahap yang gemilang. Teknologi terutamanya dalam bidang komunikasi dan maklumat boleh digunakan bagi memperbaiki rekabentuk dan penyampaian pengajaran. Teknologi pengajaran wujud untuk menyelesaikan masalah pengajaran yang akhirnya akan membantu proses pembelajaran (Yusup dan Sharifah, 1999). Keperluan kepada teknologi ini menjadi semakin penting dalam usaha mempelbagaikan lagi media pengajaran. Ini akan menjadikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan.

2.2 Penggunaan Teknologi dalam Pendidikan

Perkembangan mutakhir di dalam bidang teknologi maklumat memberi kesan secara langsung ke atas pendidikan terutama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pendidikan semasa mempunyai kaitan rapat dengan perubahan dalam bidang sains, teknologi, industri dan perdagangan memandangkan situasi masa kini penuh dengan penemuan dan ciptaan-ciptaan baru yang berlaku hampir ke semua bidang kehidupan. Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran perlu berubah selaras mengikut arus kemajuan dan perkembangan teknologi masa kini.

Sehubungan dengan itu, kajian yang dilakukan oleh Sandholtz (1997) mendapati penggunaan teknologi di sekolah boleh mendorong bagi memudahkan pengajaran dan pembelajaran. Menurut Muhamad Zaki (2000), kajian David Dwyer mendapati bahawa teknologi merupakan media penggerak untuk pelajar berfikir dan bermuafakat. Penggunaan teknologi yang cekap dapat meningkatkan lagi prestasi akademik pelajar dan menyokong keupayaan pencapaian situasi pembelajaran di abad ke-21. Berge & Collians menyatakan pelajar tidak lagi merupakan penerima pasif sebaliknya penggunaan teknologi dapat melatih pelajar-pelajar mahir berfikir secara kreatif dan inovatif serta berdikari dalam menghadapi cabaran dalam proses pembelajaran (Mohamad Zaki, 2000).

Teknologi merupakan proses atau produk atau campuran proses dengan produk yang digunakan untuk membangunkan negara atau memperbaiki sesuatu sistem seperti sistem pendidikan (Yusup dan Sharifah, 1999). Teknologi menggunakan pengetahuan saintifik, kaedah atau teknik secara sistematik untuk menyelesaikan atau memperbaiki masalah pendidikan. Proses dalam teknologi pengajaran melibatkan reka bentuk, pembinaan, penggunaan, pengurusan dan penilaian keseluruhan sistem pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, teknologi sebagai produk melibatkan perkakasan, perisian dan kaedah yang digunakan dalam sistem pendidikan. Secara umumnya, teknologi pendidikan adalah campuran proses dan produk yang digunakan untuk menggunakan kurikulum dan menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran (Yusup dan Sharifah, 1999). Menurut Yusup (1998: 223), teknologi pendidikan adalah satu proses merancang, membina, mereka bentuk, melaksana dan menilai aktiviti-aktiviti pembelajaran secara sistematik dengan tujuan meningkatkan serta memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Abdul Rashid (2000). *Wawasan Pembangunan–Isu dan Cabaran*.
Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Mahdzan Ayob (2000). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial – Pengumpulan Data*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Azlida Ahmad (2000). *Merekabentuk Perisian Multimedia: 10 Elemen Utama Human Interface*. *Wawasan*. 2. 15-22.
- Baharuddin, *et al.* (2000). *Siri Modul Pembelajaran Teknologi Pendidikan*. Johor Bharu: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Best, J. W. and Kahn, J. V. (1998). *Research in Educations*. 8th ed. United States of America: Allyn and Bacon.
- Borg, W. R. and Gall, M. D. (1983). *Educational Research: An Introduction*. New York: Logman, Inc.
- Clark, R. E. (1996). *Media and Learning In Plomp, T and Ely D.P. (ed). International Enclopedia of Educational Technology (2nd ed.)* Cambridge: Pergamon.
- Ee Ah Meng (1992). *Pedagogi - Satu Pengenalan*. (edisi ketiga). Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng (1999). *Pendidikan di Malaysia I: Falsafah Pendidikan, Guru dan Sekolah*. (edisi kedua). Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Fatimah Ali (1980). *Media Murah Untuk Pengajaran - Pemilihan dan Pengeluaran*.
Kertas Kerja Seminar Kempen V, anjuran Persatuan Suluh Bidiman. 6-8
Disember.

- Gould Marks, Loughton (1966). *Management Communication Through Audio-Visual Aids*. London: Leonard Hill.
- Ismail Zain (2002). *Pendidikan Bertaraf Dunia: Ke Arah Pembestarian Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran*.
http://www.tutor.com.my/tutor/motivasi/artikel/pendidikan_bertaraf_dunia1.htm
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Sheffie Abu Bakar (1995). *Metodologi Penyelidikan*. (edisi kedua). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Zaki Ab. Muluk (2000). *Tahap Pengetahuan dan Penggunaan Internet dalam Mencari Maklumat di Kalangan Pelajar Tahap Satu Diploma Kejuruteraan di ITTHO*. Institut Teknologi Tun Hussein Onn: Kajian Kes Sarjana Pendidikan.
- Noresah Baharom (1993). *Kamus Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norliza Mohamed Piah (2001). *Siri Modul Pembelajaran, Modul Asas Rakaman Video*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Kajian Kes Sarjana Pendidikan
- Sandholtz, J. (1997). *Teaching With Technology*. New York: Colombia University.
- Semrau, P. and Boyer, B. A. (1994). *Using Interactive Video In Education*. United States of America: Allyn and Bacon.

Slavin, R.E. (1992). *Research Methods In Education*. (2nd Ed.). USA: Allyn and Bacon.

Tomalin, C. (1986). *Video, TV & Radio In The English Class*. London: Macmillan Publisher Ltd.

Vierra, A., Pollock, J. & Golez, F. (1998). *Reading Educational Research*. (3rd Ed.) Ohio: Prentice Hall.

Volmont, W.J. (1995). *Greating Video for School Use*. Massachusetts: Allyn and Bacon.

Yusup Hashim (1998). *Teknologi Pengajaran*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

Yusup Hashim & Sharifah Alwiah Alsagoff (1999). *Pendidikan Jarak Jauh: Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaidatul Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Alias (2000). *Pengajaran – Pembelajaran Keusahawanan dan Ekonomi Asas*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

